



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG  
(PORT KLANG AUTHORITY)**  
Beg Berkunci 202,  
Jalan Pelabuhan Utara,  
42005 Pelabuhan Klang  
**SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.**

Tel: 603-3168 8211  
Fax: 603-3168 9117  
603-3168 8228  
603-3168 8229  
603-3167 0211

Web:<http://www.pka.gov.my>  
Email:[onestopagency@pka.gov.my](mailto:onestopagency@pka.gov.my)

**MS ISO 9001 : 2015 REG.NO: AR3579**

(JABATAN ZON BEBAS & JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan: LPK:JPP/600-4/2/1 Jld.5(5)  
Ruj. Kami:  
Tarikh : 27 November 2017

## **PENGGUNA-PENGGUNA PORT KLANG NET**

Tuan,

### **POR KLANG NET TRAINING PROGRAM DI BILIK SWETTENHAM, LEMBAGA PELABUHAN KELANG**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah memberikan mandat kepada Lembaga Pelabuhan Kelang agar sistem Port Klang Net dilaksanakan secara "live" sepenuhnya berkuatkuasa pada 1 Januari 2018 melalui surat Kementerian rujukan MOT.BM. 100-6/4 (16) bertarikh 27 September 2017.
3. Oleh yang demikian, Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) ingin memaklumkan kepada semua pemain-pemain industri untuk mematuhi mandat yang telah diberikan oleh Kementerian Pengangkutan bagi memastikan menggunakan Sistem Port Klang Net dengan jayanya.
4. Sehubungan itu, LPK berbesar hati untuk meneruskan latihan tersebut kepada Ejen Perkapalan, Ejen Penghantaran, Haulier, Depoh dan Pengimport/Pengeksport pada bulan Disember 2017 seperti dalam Lampiran 1.
5. Pihak Tuan adalah dijemput hadir ke program tersebut di atas dengan menghantar dua (2) peserta sahaja bagi setiap sesi. Para peserta adalah dipohon untuk membawa bersama komputer riba (laptop) bagi kegunaan semasa latihan dijalankan. Dimaklumkan juga, sesi latihan ini hanya akan dijalankan jika penyertaan melebihi 20 peserta untuk setiap sesi. Sekiranya jumlah peserta tidak mencukupi, pihak LPK akan memaklumkannya melalui emel Tuan.


6. Pendaftaran secara atas talian (online) boleh dibuat melalui **Sistem e-Seminar LPK** di pautan <http://pkapp.pka.gov.my/eseminar/> dengan kadar segera dan penyertaan akan ditutup apabila penyertaan mencecah bilangan maksimum.

7. Kerjasama dan sokongan Tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,



(V.S. VIJAY )

Pengurus Kanan (Perancangan & Pembangunan),  
b/p Pengurus Besar,  
Lembaga Pelabuhan Kelang.

Tel : 03- 3168 9287

Emel : [vijayindiaran@pka.gov.my](mailto:vijayindiaran@pka.gov.my)

**LAMPIRAN 1****POR T KLANG NET TRAINING PROGRAM DI BILIK SWETTENHAM, LEMBAGA PELABUHAN KELANG**

<b>BIL.</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MASA</b>	<b>TEMPAT</b>
1.	7 Disember 2017 (Khamis)	Sesi 1 : 9.30 Pagi hingga 11.30 Pagi Sesi 2 : 2.30 Petang hingga 2.30 Petang	Bilik Swettenham, LPK.
2.	14 Disember 2017 (Khamis)	Sesi 1 : 9.30 Pagi hingga 11.30 Pagi Sesi 2 : 2.30 Petang hingga 2.30 Petang	Bilik Swettenham, LPK.
3.	21 Disember 2017 (Khamis)	Sesi 1 : 9.30 Pagi hingga 11.30 Pagi Sesi 2 : 2.30 Petang hingga 2.30 Petang	Bilik Swettenham, LPK.
4.	28 Disember 2017 (Khamis)	Sesi 1 : 9.30 Pagi hingga 11.30 Pagi Sesi 2 : 2.30 Petang hingga 2.30 Petang	Bilik Swettenham, LPK.